



**PENYATA RASMI**  
OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

PARLIMEN KETIGA  
*Third Parliament*

PENGGAL PARLIMEN KETIGA  
*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 5973]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1974:**

**Jawatankuasa—**

**Jadual—**

**Kepala B. 28 [Ruangan 5991]**

**Kepala B. 29 hingga B. 34 [Ruangan 6053]**

**USUL:**

**Anggaran Pembangunan, 1974:**

**Jawatankuasa—**

**Kepala P. 28 [Ruangan 5992]**

**Kepala P. 29 hingga P. 31 dan P. 34 [Ruangan 6053]**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan Yang Dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 5990]**

MALAYSIA  
**DEWAN RAKYAT YANG KETIGA**

*Penyata Rasmi*

**PENGGAL YANG KETIGA**

---

Hari Selasa, 15hb Januari, 1974

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**YANG HADIR :**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru Timur).
- Yang Berhormat Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).
- ” Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S. (Ulu Rajang).
- ” Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- ” Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).
- ” Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- ” Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- ” Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- ” Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- ” Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- ” Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- ” Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasn Kampung-kampung Baru, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat Selatan).
- ” Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian Selatan).
- ” Menteri Penerangan dan Menteri Tugas-tugas Khas, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- ” Menteri Pelajaran, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.K. (Tanah Merah).

Yang Berhormat Menteri Tugas-tugas Khas, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).

- ” Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- ” Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Segamat Utara).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIEF AHMAD (Langat).
- ” Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Johor Bahru Barat).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- ” Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K. (Ulu Kelantan).
- ” NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- ” DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- ” TUAN ABDUL RAHMAN BIN SBRI (Johor Timur).
- ” TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- ” TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- ” PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- ” TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- ” TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- ” TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- ” TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).
- ” PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- ” TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).
- ” DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).
- ” TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- ” TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- ” AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- ” TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- ” TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- ” TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- ” TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- ” DR CHEN MAN HIN (Seremban Timur).

Yang Berhormat DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).

- ” TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- ” TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- ” TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- ” TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).
- ” TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- ” TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- ” TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- ” TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- ” TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- ” TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- ” TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- ” TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- ” TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- ” TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- ” DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S. (Bandar Sibul).
- ” TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- ” TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- ” TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- ” TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- ” TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- ” TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- ” TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- ” DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- ” TUAN LUHAT WAN (Baram).
- ” TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- ” TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- ” DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- ” TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- ” TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- ” TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- ” TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- ” TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- ” TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- ” TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- ” DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).

- Yang Berhormat WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, S.M.S., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ DATUK TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TENGGU ZAID BIN TENGGU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIDAK HADIR

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Luar Negeri, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).

- Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N.  
(Sungai Siput).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Pertahanan, DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R.,  
S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K.  
(Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH  
*alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah, TUAN MOHAMED BIN  
UJANG, K.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T.  
(Rawang).
- „ DATUK HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K.  
(Hilir Perak).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYONG (Labuk-Sugut).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S.  
(Batu Pahat Dalam).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E.  
(Marudu).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ DATUK SRI S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).

**YANG HADIR BERSAMA :**

- Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am, PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N.  
(Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN WONG SENG CHOW, A.M.N., J.P.  
(Dilantik).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.  
Timbalan Setiausaha, A. Hasmuni bin Haji Hussein.  
Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.  
Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI

Penyunting, Yahya Manap.  
Penolong Penyunting, P. B. Menon.  
Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.  
Louis Yeoh Sim Ngoh.  
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.  
Rani bin Rahim.  
Suhor bin Husin.  
Ng Cheng Kuai.  
Jamaludin bin Haji Ali.  
Amran bin Ahmad.  
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.  
Margaret Chye Kim Lian.  
Quah Mei Lan.  
Puan Kong Yooi Thong.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar Musa bin Alang Ahmad

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

### JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

#### HARGA BARANG-BARANG— KENAIKAN

**1. Awang Bungsu bin Abdullah** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk memberhentikan kenaikan harga barang-barang keperluan hari-hari di Malaysia.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Musa Hitam):** Tuan Yang di-Pertua, soal yang berupa sama telahpun dibangkitkan beberapa kali oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam sidang Dewan kali ini dan telahpun dijawab dengan panjang-lebarnya. Saya tidaklah ada apa-apa yang hendak ditambahkan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana sudah lebih satu tahun semenjak pengumuman oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk membatalkan tarif atas 33 perkara dan mengurangkan tarif atas 9 perkara, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi satu lapuran kepada Dewan ini bahawa samada sampai hari ini barang-barang yang berkaitan itu sudah turun harga untuk membayangkan pembatalan cukai atas mereka.

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab Ahli Yang Berhormat itu berkehendakkan lapuran, saya berkehendakkan notis.

**Tuan Hashim bin Gera:** Soalan tambahan. Beberapa kali pihak Kerajaan menyatakan cukai-cukai barang daripada luar negeri tidak dinaikkan, tetapi barang yang sudah dimaafkan oleh Kerajaan daripada cukai itu masih juga melambung tinggi. Mengapakah Kerajaan tidak bertindak menangkap mereka itu dan dihukum dengan keras. Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberi satu penjelasan, samada Kerajaan percaya atau tidak capak saya, pada masa Kerajaan British

(BMA) dahulu memerintah di sini, maka pegganas-pegganans (Bintang Tiga) telah menjadi-jadi. Ada seorang daripada Bintang Tiga itu ialah Abdullah Sidi, Cik Dat bin Abdullah. Pada satu masa saya telah dapat bertemu dengan dia, sebelum dia melarikan dirinya masuk ke dalam hutan, dia baharu sahaja balik bermesyuarat Parti Komunis di India. Dia berkata kepada saya walaupun negeri ini rakyatnya orang Melayu menuntut kemerdekaan tidak menghalangkan kami, tetapi cita-cita kami orang komunis yang saya dapat hadir di India, wakil daripada orang Melayu saya, orang Indianya, Permal dari sungai Siput . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini apa kena-mengena dengan harga-harga barang melambung tinggi?

**Tuan Hashim bin Gera:** Ada kena-mengena. Dengar hujungnya, Tuan Yang di-Pertua, kalau dibenarkan—ada kena-mengena.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolong cepatkanlah supaya tiba ke hujung itu.

**Tuan Hashim bin Gera:** Ya. Jadi kata dia tidak mengapa, tetapi kami berkehendakkan ekonomi Malaya ini di tangan kami orang-orang Cina Komunis, walau sekalipun dari ekonomi inilah kita akan dapat menyusahkan rakyat Malaysia. Dengan keadaan harga barang naik ini tak dapat tidak mereka ada bersangkutan-paut juga, dan orang yang menaikkan harga barang ini patut dihukum dengan keras, Tuan Yang di-Pertua, mengapa Kerajaan tidak mahu bertindak?

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, perkara yang baru dibawa ke pengetahuan kita ialah cerita yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat itu, tetapi dari segi jawapan-jawapannya saya balik kepada jawapan asal saya.

**Tuan Goh Hock Guan:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Perumahan bolehlah dianggap sebagai satu keperluan untuk rakyat, dan tiap-tiap hari harga rumah naik, dan saya baru dapat tahu bahawa bank rates sekarang sudah naik 10%. Oleh yang demikian, harga pembinaan rumah-rumah pun naik, dan cost of living misti naik. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian berkenaan dengan bank rates?

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, saya balik kepada jawapan asal saya tadi dan saya suka menarik perhatian Ahli Yang Berhormat bahawa soal bank rates bukanlah di bawah Kementerian saya. Kalau hendak jawabnya buatlah soalan lain.

**Tuan Goh Hock Guan:** Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab housing is also included as one of the daily necessities atau sebagai satu barang yang menggunakan wang yang lebih, sungguhpun housing bukan tanggungjawab Yang Berhormat Timbalan Menteri, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri berhubung dengan Menteri Kewangan berkenaan dengan hal ini?

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada jawapan asal saya ia itu sudah dihuraikan dengan begitu jelas oleh pihak Kerajaan di dalam soaljawab dan juga di dalam perbahasan yang sedang dijalankan pada masa ini.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Soal saya adalah berkenaan dengan kelapa (nior). Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar atau tidak harga-harga nior sekarang terlalu tinggi lebih kurang 50 sen sebiji. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu apakah sebabnya harga nior melambung tinggi dan jikalau sedar apakah tindakan Kerajaan hendak ambil bagi menurunkan harga-harga nior di negara kita.

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, soal asal tidak kena-mengena dengan nior. Jadi kalau hendak soal nior tolonglah kemukakan kepada Kementerian yang berkenaan.

#### **PELACUR—GADIS LUAR BANDAR SARAWAK**

**2. Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah** minta Menteri Kebajikan Am menyatakan samada Kerajaan sedar bahawa ramai gadis-gadis muda dari kawasan-kawasan luar-bandar di Sarawak sedang dipujuk pergi ke bandar-bandar besar untuk menjadi pelacur-pelacur, dan jika sedar, apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi perkara ini dan memulihkan akhlak mereka yang sudahpun terjerumus dalam lapangan ini.

**Menteri Kebajikan Am (Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani):** Tuan Yang di-Pertua, Akta Perlindungan Wanita dan Gadis-gadis, 1973 kini hanya dipakai untuk Semenanjung Malaysia. Sungguhpun begitu, Akta ini akan dilanjutkan ke Malaysia Timur apabila kemudahan-kemudahan yang cukup telah dapat diadakan bagi melaksanakannya di bawah Rancangan Malaysia Yang Ketiga.

#### **PERTUBUHAN BELIA DAN KEBUDAYAAN**

**3. Dr S. Seevaratnam** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan:

- (i) mengapa lawatan-lawatan dan rancangan-rancangan pertukaran belia yang diurus oleh Kementerian beliau tidak dihadkan hanya kepada kelab-kelab belia;
- (ii) mengapa ahli-ahli politik dari pihak pemerintah ditempatkan dalam kumpulan-kumpulan belia ini; dan
- (iii) samada menjadi hasrat Kerajaan hendak menyekat perkembangan berfikir secara bebas dan akal yang mengkritik di kalangan belia-belia kita.

**Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim):** Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Lawatan-lawatan yang diuruskan oleh Bahagian Belia Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan adalah dihadkan kepada pertubuhan-pertubuhan belia dan kebudayaan.
- (ii) Kadang-kadang memang ada pemimpin-pemimpin belia yang terpilih itu terdiri dari anggota parti-parti politik tetapi pemilihan mereka adalah berdasarkan kepada latar belakang mereka di dalam pergerakan belia dan bukan berdasarkan kepada latar belakang mereka di dalam kegiatan politik.
- (iii) Bukanlah menjadi dasar Kerajaan untuk menyekat perkembangan berfikir secara bebas di kalangan belia-belia tetapi sebaliknya, adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menggalakkan perkembangan berfikir secara bebas, sihat dan membina melalui pertubuhan-pertubuhan belia, Majlis Perunding Belia Negara dan lain-lain pertubuhan.

**Tuan Hashim bin Gera:** Soalan tambahan. Beberapa bulan yang lalu ada sekumpulan belia-belia dari Malaysia pergi melawat ke Canada. Adakah rombongan itu membuat satu rumusan atau penyata yang dikemukakan apa yang dibuat oleh mereka di Canada sana kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan adakah boleh menyebarkannya kepada Ahli-ahli Parlimen ini supaya diketahui adakah lawatan itu membawa faedah kepada negara atau untuk mereka bersuka ria sahaja?

**Tuan Mokhtar bin Haji Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, lapuran itu telahpun kita kumpulkan dan sekarang ini berada di Kementerian dan kalau Ahli Yang Berhormat itu berkehendakkan sendiri atas keterangan-keterangan yang berkenaan, saya harap Ahli Yang Berhormat bolehlah berhubung dengan saya.

#### **PENANAM PADI DI PERAIRAN MUDA**

**4. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan samada beliau sedar bahawa penanam-penanam padi di kawasan-kawasan Rancangan Perairan Muda sentiasa menghadapi kekurangan tenaga buruh untuk menuai padi terutama sekali di masa luar musim yang mengakibatkan kerosakan buah-buah padi dan penanam-penanam padi selalu terpaksa membiarkan beberapa ekar tanaman padi mereka tidak dituai, dan jika ya, nyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menambahkan tenaga buruh untuk mengatasi masaalah-masaalah ini.

**Menteri Pertanian dan Perikanan (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi):** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar tentang masaalah kekurangan tenaga buruh di waktu kerja-kerja yang berkehendakkan bilangan tenaga yang ramai pada musim mengubah dan juga masa menuai padi. Kekurangan tenaga buruh ini bertambah buruk pada ketika menuai padi luar musim. Kerja-kerja memotong padi luar musim ini hendaklah sempurna sebelum hujan lebat turun. Jika tiada siap kerja-kerja itu padi-padi yang masih belum dituai akan terbiar dan melibatkan kerugian kepada penanam-penanam padi.

Lembaga Kemajuan Pertanian Muda ataupun MADA pada masa ini sedang menguji berbagai-bagai jenis jentera yang boleh digunakan di dalam ikhtiarnya memilih bentuk jentera mengubah benih dan memotong padi yang sesuai dengan keadaan di dalam kawasan Rancangan Perairan Muda.

Buat sementara ini Kementerian saya telahpun menganjur dan berikhtiar bersama di antara MADA Kerajaan-kerajaan Negeri Kedah, Negeri Perlis dan petani-petani di Kelantan bagi mencari jalan menambah lagi tenaga buruh yang dibawa daripada negeri luar iaitu negeri Kelantan ke kawasan berkenaan untuk membantu penanam-penanam padi di situ terutamanya di dalam kerja memotong padi pada musim yang akan datang ini.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri telah mengatakan di kawasan Muda jika seorang petani hendak menuai padi, Kerajaan ada beri mereka alat-alat mesin memotong padi. Adakah itu betul atau tidak?

**Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya tidak berkata demikian.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Di dalam rancangan kedua Kementerian Pertanian ada dinyatakan bahawa di kawasan Muda jikalau petani hendak menuai padi, Kerajaan ada satu rancangan memberi mereka alat-alat mesin, combine harvester menuai padi di situ. Bilakah rancangan ini boleh dijalankan?

**Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam jawapan saya tadi, saya telah menyatakan iaitu pihak MADA atau Lembaga Pertanian Muda sedang menguji jentera-jentera yang dibawa daripada negeri Jepun, Belgium dan lain-lain lagi iaitu bagi mengubah dan juga menuai padi. Sehingga hari ini kita belum lagi mendapati jenis-jenis jentera yang sesuai benar bagi dijalankan peranan-peranan mengubah dan memotong padi itu. Sehingga kita dapat jentera-jentera yang sesuai bagi menjalankan perubahan dan juga memotong padi itu, maka pada masa sekarang ini kita sedang menggunakan tenaga-tenaga buruh. Dengan sebab tenaga-tenaga buruh yang ada di dalam negeri Kedah tidak mencukupi, ikhtiar sedang dijalankan hari ini untuk mendapatkan tenaga

buruh daripada negeri-negeri jiran terutama sekali daripada Negeri Kelantan. Jadi ikhtiar sedang dijalankan sekarang ini untuk mendapatkan tenaga-tenaga buruh daripada Negeri Kelantan bagi menolong di dalam masalah menuai di dalam Negeri Kedah atau di kawasan Perairan Muda itu.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut ucapan Menteri tadi, katanya alat-alat dan jentera-jentera boleh didapati dari Eropah, Belgium, England atau lain-lain tempat, tetapi saya pun tahu dengan masalah combine harvester atau jentera-jentera menuai padi dan saya sendiri tahu jentera-jentera tidak boleh pakai di ladang-ladang atau di sawah di Kuala Muda. Soalan saya adakah Kementerian Pertanian satu workshop untuk membuat jentera sendiri bagi menuai padi Malaysia dengan tidak payah beli daripada negeri lain sebab jentera-jentera daripada luar negeri tidak boleh dipakai sebab berat dan sawah-sawah di kawasan Muda di bawah tidak ada firm soil dan jentera-jentera tidak boleh berjalan. Jadi adakah Kementerian Pertanian satu rancangan untuk menubuhkan satu mesin to suit our condition?

**Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyatakan iaitu pihak MADA sedang menguji ataupun experimenting berkenaan dengan kegunaan jentera-jentera yang dibawa daripada luar negeri seperti daripada Jepun, Belgium dan lain-lain. Combine harvester yang dibawa daripada Belgium adalah besar, berat dan dengan sebab tanah sawah di Kedah itu kecil maka susah jentera-jentera yang besar itu hendak digunakan di dalam kawasan tanah sawah petak yang sebegitu kecil. Dan kita juga membawa atau membeli jentera-jentera Jepun dan jentera-jentera daripada Jepun itu juga didapati tidaklah begitu sesuai digunakan di kawasan yang tertentu. Maka dengan sebab itu, kajian sedang dijalankan bersama-sama dengan Universiti Malaya, Universiti Pertanian dan lain-lain untuk mencari jenis jentera yang sesuai, iaitu selain daripada kita cuba menguji jentera-jentera yang dibeli atau dibawa daripada luar negeri itu, kita juga cuba modifykan perkara-perkara yang patut dipinda untuk kegunaan dan untuk menyesuaikan dengan keadaan yang ada di dalam negeri ini. Perkara yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat

supaya pihak MADA, pihak Kementerian dan pihak-pihak yang lain untuk mencari jalan berkenaan hendak modify, hendak menyesuaikan jentera itu sedang dijalankan pada hari ini, tetapi hasil yang sempurna atau yang memuaskan belum didapati.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Saya pun bersetuju kita boleh beli jentera-jentera dari luar negeri, tetapi soalan saya dan maksud saya, adakah negara Malaysia satu rancangan untuk membuat alat-alat menuai padi sendiri, bukan to depend on other countries.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu sudah dijawab tadi.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Kata Menteri kita beli dari lain negeri dan kita kaji mesin-mesin itu, saya pun bersetuju, tetapi kita sendiri ada satu Kumpulan Engineers buat mesin itu sendiri to suit our local condition.

**Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Saya telah terangkan iaitu kita bawa jentera daripada luar negeri. Pakar-pakar engineer kita termasuklah Universiti Pertanian, Universiti Malaya dan lain-lain sedang menjalankan kajian atau research experimenting dan lain-lain untuk hendak modify mesin-mesin yang dibawa daripada Jepun dan lain-lain itu bagi menyesuaikan, to make it suitable to our condition here, sehingga kita mendapat mesin yang baik dan betul tidaklah dapat kita hendak mengeluarkan mesin itu. Kalau kita hendak keluar bermakna kita cuma mengeluarkan barang yang sudah dibawa masuk iaitu cuma either assembling ataupun duplicating apa yang dibawa daripada luar negeri. Saya rasa saya sudah jawab cukup terang cuma barangkali Ahli Yang Berhormat itu pening sedikit dan kurang faham apa yang saya jawab. Saya harap dengan ini dia cukup faham.

**Tuan Goh Hock Guan:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang harga beras di dalam negeri dan di dunia pun sangat tinggi dan oleh sebab itu penderitaan rakyat itu adalah terok dan satu sebab yang menyebabkan masalah ini ialah kekurangan tenaga penanam-penanam padi. Dengan demikian itu bagaimana kita boleh dapat memenuhi tujuan Kerajaan untuk mencapai self-sufficiency in rice dalam kenyataan Kerajaan dalam tahun 1980?

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu soalan lain.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Dalam Kementerian ini hendak mengikhtikarkan kekurangan buruh kerana menuai padi tadi, adakah Kementerian ini ada berhubung dengan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dan juga Kementerian Belia dan Sukan bagi mendapatkan buruh-buruh ini bukan sahaja di Kelantan bahkan di seluruh Malaysia ini?

**Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Tuan Yang di-Pertua, perhubungan dengan Kementerian Buruh adalah dijalankan dan cara yang kita akan jalankan iaitu menerusi penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung, Pegawai-pegawai Daerah di dalam Negeri Kedah akan membuat bancian berapa banyakkah bilangan buruh-buruh yang dikehendaki kemudian manakala angka itu didapati mereka akan memberitahu kepada Pejabat Buruh di Negeri Kedah, Pejabat Buruh Negeri Kedah akan berhubung dengan Pejabat Buruh yang ada di Negeri Kelantan dan Negeri-negeri yang lain sekiranya mustahak, dan Pejabat Buruh di Negeri itu pula akan berhubung dengan Pegawai Daerah dan penghulu untuk mendapatkan buruh-buruh yang tertentu bagi menjalankan kerja di sana.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Soalan tambahan. Apa kemudahan yang dapat diberi oleh Kementerian ini kepada buruh-buruh kita yang datang dari luar bagi menjalankan tugas menuai padi di kawasan Kedah?

**Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham apakah kemudahan yang dihajatkan oleh Ahli Yang Berhormat itu?

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, kemudahan mereka datang ke tempat itu, kemudahan mereka tinggal dan juga ada kaitan dengan usaha yang dia hendak buat di kawasan itu.

**Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Berkenaan dengan perkara urusan tempat tinggal dan sebagainya itu akan diuruskan oleh pihak Pegawai-pegawai Daerah, Penghulu, ketua kampung bersama-sama dengan petani-petani di Negeri Kedah yang berkehendakkan buruh-buruh itu.

**Nik Abdul Aziz bin Nik Mat:** Oleh kerana masa menanam padi dua kali setahun ini memakan masa hanya kira-kira 9 bulan atau 8 bulan, baki lagi 2 bulan atau 3 bulan, maka bolehlah atau tidak pihak yang berkenaan menyasat supaya bulan 12 atau bulan banjir ini dijadikan bulan rihad bagi petani-petani supaya buah masak itu tidak kena banjir?

**Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Tuan Yang di-Pertua, setelah mendengar berita-berita berkenaan dengan kerosakan padi yang berlaku terutama sekali dalam Negeri Kelantan pada tahun ini, maka Kementerian saya sekarang ini sedang mengkaji bagi menyusun dan menyesuaikan tarikh-tarikh penanaman padi supaya dapat dielakkan bulan November dan bulan Disember daripada dijadikan musim padi samada menanam ataupun menuai dan sebagainya. Perkara itu sedang dalam kajian Kementerian saya.

## KAJIAN TENAGA MANUSIA

**5. Tuan Haji Ahmad bin Arshad** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan tujuan Kerajaan membuat kajian tenaga manusia di seluruh negara, dan samada kajian ini sudah selesai dijalankan dan faedah-faedah besar yang diperolehi dari kajian ini.

**Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan Haji Ramli bin Omar):** Tuan Yang di-Pertua, tujuan Kerajaan mengadakan satu kajian tenaga manusia bagi seluruh negara yang meliputi kedua-dua sektor swasta dan awam ialah untuk membekalkan maklumat-maklumat untuk melaksanakan yang berikut:

- (a) untuk menilai taraf pelajaran dan kemahiran kakitangan-kakitangan yang digajikan dalam perbagai pekerjaan.
- (b) untuk menentukan kedudukan kekurangan kakitangan-kakitangan yang terlatih dalam berbagai pekerjaan.
- (c) untuk menilai setakat mana latihan semasa bekerja telah dijalankan oleh sektor-sektor swasta dan penggunaan lepasan-lepasan dari instituit-instituit awam bagi latihan-latihan vokesyenal.

(d) untuk membuat projeksi keperluan tenaga manusia di masa hadapan bagi berbagai pekerjaan untuk membolehkan perancangan pelajaran dan projek-projek latihan yang lebih baik, terutamanya berkenaan dengan objektif membolehkan ramai lagi orang-orang Melayu dan bumiputra yang lain supaya lebih mengambil bahagian dalam sektor moden.

Hasil pertama (data permulaan) kajian tersebut adalah dijangkakan siap dalam bulan Februari, 1974.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi saya adalah berpuashati tetapi satu soalan tambahan yang saya akan kemukakan, adakah meliputi dalam kajian penilaian bagi men-saibangkan tenaga manusia dengan upahan yang mereka bekerja di mana-mana juga swasta atau juga di sektor awam?

**Tuan Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, rasa saya di dalam Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat termasuk Perancang Ekonomi dan Jabatan Perangkaan membuat penyelidikan dengan teliti di dalam perimbangan masalah itu dan perkara ini akan dapat dikeluarkan sepertimana yang saya telah jelaskan dalam Dewan ini iaitu pada bulan Februari, 1974, kenyataan-kenyataan yang jelas untuk pengetahuan bukan sahaja Ahli Yang Berhormat bahkan seluruh Ahli-ahli Parlimen dalam Dewan ini.

#### PELAJAR-PELAJAR INSTITIUT TEKNOLOJI MARA

**6. Awang Bungsu bin Abdullah** minta Menteri Pembangunan Ekonomi Desa menyatakan samada beliau akan memberi pertimbangan berat untuk menaikkan wang elaun kepada pelajar-pelajar dari Sarawak yang sedang belajar di Institiut Teknologi MARA di Semenanjung Malaysia dan di Sabah, supaya pelajar-pelajar yang berjauhan dari ibubapa mereka dan juga yang datang dari keluarga miskin tidak akan mengalami perasaan susah dan bimbang.

**Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Ekonomi Desa (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar):** Tuan Yang di-Pertua, semua pelajar-pelajar I.T.M.

tidak kira samada dari Semenanjung Malaysia, daripada Sabah dan daripada Sarawak, boleh mendapat kemudahan-kemudahan seperti berikut:

- (a) Tambang Perjalanan;
- (b) Bayaran Peperiksaan;
- (c) Asrama dan Makanan;
- (d) Elaun \$15 sebulan.

Bagi pelajar-pelajar dari Sabah dan Sarawak pula, mereka dibayar tambang kapalterbang apabila mereka mula-mula datang ke I.T.M. dan selepas tamat pengajian mereka. Selepas dua tahun mereka belajar di I.T.M., mereka juga dibenarkan balik ke Sabah/Sarawak dengan kapalterbang dan ditanggung oleh I.T.M. Dalam masa cuti pula, mereka akan diberi Elaun Makanan sebagai ganti makanan yang tiada disediakan dalam masa cuti.

Selain daripada itu Yayasan Sarawak juga memberi Elaun Buku kepada pelajar-pelajar Sarawak. Oleh yang demikian, pelajar-pelajar daripada Sabah dan Sarawak mendapat kemudahan-kemudahan yang lebih daripada pelajar-pelajar dari Semenanjung Malaysia.

Sungguhpun Elaun Bulanan \$15 itu sedikit nampaknya, tetapi eloklah diingat bahawa pelajar-pelajar itu juga mendapat asrama dan makanan percuma dan juga kemudahan-kemudahan yang dinyatakan tadi. Oleh itu, Kerajaan belum lagi bercadang untuk menaikkan wang Elaun \$15 sebulan itu.

#### LEMBAGA KEMAJUAN SEKOLAH—PENUBUHAN

**7. Awang Bungsu bin Abdullah (di bawah S.O. 24 (2))** minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian beliau berhubung dengan:

- (a) penubuhan Lembaga-lembaga Kemajuan Sekolah bagi semua Negeri di Malaysia; dan
- (b) tindakan untuk mendesak firma-firma perdagangan menjalankan "rancangan-rancangan anak angkat" (adoption scheme) seperti yang disyorkan oleh Kesatuan Guru-guru Kebangsaan pada awal bulan Oktober, 1973.

**Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bagi Malaysia Barat, kaedah-kaedah sedang digubal.
- (b) Syor ini tidak dikemukakan kepada Kementerian Pelajaran oleh Kesatuan Guru-guru Kebangsaan.

#### **PEKERJA PRESTON TIMES PRINTING/PUBLISHING SDN. BHD.**

**8. Tuan V. Veerappen** (*di bawah S. O. 24(2)*) bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri samada beliau sedar bahawa enam orang pekerja dari Preston Times Printing & Publishing Sdn. Bhd., Shah Alam telah melapurkan kepada pihak Polis bahawa mereka telah dipaksa oleh pihak pengurusan meletakkan jawatan dari Kesatuan Pekerja-pekerja Perusahaan Percetakan yang mana adalah suatu kesalahan di bawah Akta Perhubungan Perusahaan tahun 1967, jika ya, adakah beliau akan menerangkan kepada Dewan ini samada pihak pengurusan telah didakwa; jika tidak, mengapa.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bukan 6 orang tetapi 5 orang pekerja dari Preston Times Printing & Publishing Sdn. Bhd., Shah Alam yang telah membuat pengaduan di Balai Polis Batu 3, Daerah Kelang pada 10-9-1973.

Penyiasatan di dalam perkara ini adalah di dalam peringkat akhir sekarang.

#### **IBAN/NATIVE DALAM GERAKAN BEBATAK—BANTUAN**

**9. Penghulu Abit anak Angkin** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Kerajaan akan menimbang menyediakan keadaan-keadaan hidup yang lebih baik dari orang-orang Iban yang terjejas oleh Gerakan "Bebatak" (Rancangan-rancangan Berkumpul Semula) yang ada sekarang di Sarawak oleh kerana kehidupan orang-orang Iban sekarang ini bergantung semata-mata kepada tepung sagu.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sebenarnya sedang melaksanakan langkah-langkah untuk memberi keadaan hidup yang

lebih baik kepada orang-orang Iban dan lain-lain kaum yang terlibat dalam Gerakan Bebatak di Sarawak. Pada masa ini Kerajaan memberi beberapa jenis bantuan kepada penduduk-penduduk dalam kawasan-kawasan Bebatak dan pemberian tepung sagu adalah merupakan hanya salah satu dari bantuan tersebut.

Pada amnya Gerakan Bebatak adalah satu konsep untuk memberi keadaan hidup yang lebih baik dan perlindungan keselamatan kepada mereka yang terlibat dalam context keadaan keselamatan di kawasan RASCOM, Sarawak. Sungguhpun Gerakan Bebatak itu adalah sementara, sekim-sekim ini bertujuan memberi keadaan hidup yang lebih baik kepada penduduk-penduduknya.

Kerajaan sekarang merancang untuk menempatkan semula penduduk-penduduk Bebatak ke dalam sekim-sekim kemajuan tanah yang kekal. Pada masa ini penyelidikan tanah sedang dibuat untuk menentukan kawasan-kawasan yang sesuai bagi kemajuan pertanian dengan mengambil kira pembangunan yang akan dilaksanakan di kawasan-kawasan yang berhampiran dengan sekim-sekim tanah yang kekal itu.

#### **KONFRANTASI INDONESIA—TAHANAN**

**10. Tuan Ng Hoe Hun** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan orang-orang yang ditahan dan dihukum penjara seumur hidup di Malaysia Barat berikutan dengan konfrantasi antara Malaysia dan Indonesia;
- (b) bilangan orang-orang yang dihukum penjara seumur hidup yang telah dibebaskan hingga tarikh 26hb November, 1973;
- (c) bilangan orang-orang yang tersebut dalam (a) yang masih lagi ditahan;
- (d) bilangan orang-orang yang di bawah perintah buang negeri; dan
- (e) samada Encik Rahim Zakaria ditahan kerana sokongan beliau terhadap gerilla-gerilla Indonesia.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) 37 orang.
- (b) 19 orang.
- (c) 18 orang.
- (d) 10 orang, tetapi hendaklah diingat bahawa itu tidak bersangkutan dengan soal konfrantasi tak ada kena-mengena dengan konfrantasi.
- (e) Orang ini bukan ditahan tetapi telah dikenakan hukuman penjara seumur hidup oleh Mahkamah Tinggi Ipoh, pada 31hb Mei, 1966, kerana bersubahat dengan musuh negara yang bersenjata. Dalam bulan November, 1966 Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak, atas sembah nasihat Jemaah Pegampunan Negeri Perak, telah berkenan mengampunkan beliau.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebelum saya tanya soalan tambahan bolehkah Menteri sabar dengan saya berkenaan dengan masaalah ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya yang boleh menjaga supaya sabar.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan saya berkenaan dengan (c). Menteri berkata sekarang ada lagi 8 orang dipenjarakan. Bolehkah beliau beritahu bahawa 8 orang itu ada merayu kepada Jawatankuasa Ulangkaji atau tidak supaya mereka dibebaskan?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, soalan (c) bukan 8 orang, tetapi 18 orang. Mereka ini adalah sedang menjalankan hukuman penjara seumur hidup dan ini adalah mengikut peraturan-peraturan penjara samada kes mereka itu akan direview atau tidak.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Banishment Ordinance berkaitan dengan soalan (d) Yang Berhormat Menteri mengatakan sekarang di penjara Malaysia ada 10 orang lagi masih dipenjarakan. Mengikut Seksyen 7 Banishment Ordinance mereka boleh bawa execution of a bond with sureties, bolehkah mereka dilepaskan jika mereka buat begitu, sebab tak berapa lama dahulu di Dewan ini Menteri berkata sudah ada 57 orang yang dibebaskan di bawah Banishment Ordinance.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, soal Banishment Ordinance ini tiap-tiap orang terlibat di dalamnya adalah sentiasa di dalam perhatian dan pertimbangan. Sekiranya patut atau menasabah maka perakuan akan dibuat.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam soalan (a) tadi menurut hemat saya apa yang saya fahamkan seramai 37 orang yang telah terlibat dengan hukuman itu, saya hendak tahu adakah Kerajaan Indonesia sekarang mengakui konfrantasi yang dilakukan oleh rejim Sukarno dahulu?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Apa soalnya? Saya hendak dengar lagi sekali.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Menteri berkenaan tadi mengatakan di antaranya 37 orang ada dikenakan hukuman berhubung dengan konfrantasi, saya hendak tahu adakah Kerajaan Indonesia sekarang mengakui konfrantasi yang dibuat oleh regime Sukarno dahulu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu soalan lain.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan saya berkenaan orang tahanan dalam masa konfrantasi, namanya Cheah Ah Kaw. Sekarang dia ada di Penjara Taiping. Saya telah bercakap dengannya di Penjara Taiping dan dia ada memberitahu mengenai kesusahannya. Katanya, dia mengakui yang dia pergi ke Indonesia mengambil latihan, tetapi sekarang dia sudah insaf dan sedar bahawa dia sudah buat salah dan apabila dia sampai ke pantai Malaysia dahulu dia lari dan menyerah diri dengan sendiri ke Balai Polis. Sekarang dia ada di Penjara Taiping. Bolehkah Menteri yang berkenaan menimbang kesnya dan jika boleh bebaskan dia, sebab dia sudah dihukum dan sudah sedar mengenai kesalahannya.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada Kerajaan yang boleh mengambil-alih apa yang dijalankan oleh Mahkamah, kerana kita mengikut peraturan undang-undang—the rule of law must apply—bahawa dia sudah membuat kesalahan, Mahkamah sudah menjatuhkan hukumannya. Dari segi pengampunan

dan sebagainya adalah terletak di atas belas kasihan dan perkenan Duli Yang Maha Mulia.

**Tuan Hashim bin Gera:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mendengar Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan Encik Rahim Zakaria telah mendapat keampunan dari Kebawah Duli Sultan Perak. Jadi apabila mendapat keampunan ini, sudahkah dia dibebaskan ataupun belum?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, setakat yang saya tahu waran yang mengizinkan dia keluar belum lagi dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Perak di bawah Titah Duli Yang Maha Mulia.

**Tuan Hashim bin Gera:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut penerangan Menteri Keselamatan Dalam Negeri bila seseorang itu bersubahat dengan sesebuah Kerajaan asing kerana hendak menggulingkan Kerajaan dia dihukum penjara, tetapi ada orang lain yang bersubahat dengan kominis dengan memberikan senjata dan barang makanan dua minggu sahaja ditahan, dengan tak payah dijamin dia dibebaskan. Mengapakah Rahim Zakaria ini teruk sangat hendak dibebaskan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu soalan lain sama sekali.

**Tuan Hashim bin Gera:** Kalahlah saya, kalau itu soalan lain.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Berhubung dengan soalan berkenaan dengan Rahim Zakaria, saya tahu namanya ialah Encik Abdul Rahim Zakaria *alias* Yaakob Zakaria dan dia sekarang ditahan di Penjara Taiping. Soalan saya apakah sebabnya Idris Tadah seorang Indonesia sama seperti Abdul Rahim Zakaria, dia pun orang Indonesia, tetapi Idris Tadah masuk ke negara Malaysia sama seperti Abdul Rahim bin Zakaria. Idris Tadah adalah warganegara Indonesia sudah dilepaskan balik ke Indonesia, tetapi Encik Abdul Rahim Zakaria *alias* Yaakob Zakaria warganegara Indonesia belum dibebaskan. Bolehkah dia dibebaskan?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Saya sudah jawab, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Goh Hock Guan:** Soalan tambahan. Konfrantasi telah 10 tahun tamat dan sekarang tahun 1974. Soalan yang saya hendak tanya ialah orang-orang ini yang sekarang ada dalam penjara, bolehkah mereka mengancam Kerajaan lagi atau tidak? Kalau tidak boleh, bolehkah kita timbangkan supaya mereka itu dibebaskan?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengingatkan Yang Berhormat bahawa orang ini menjalani hukuman penjara yang dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah, mereka ini sudah bersabit di dalam kesalahannya memegang senjata di dalam masa konfrantasi dahulu.

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan. Saya hendak bertanya satu perkara iaitu orang-orang yang telah mengkhianati negara dengan membawa senjata menyerang negerinya sendiri sebagai warga-negara telah dihukum gantung oleh Mahkamah tetapi oleh kerana kebaikan Kerajaan telah direngankan dengan hukuman penjara seumur hidup. Jadi, soalan saya ini patut atau tidak patut Kerajaan manahan dia selama-lamanya dan jangan dilepaskan lagi?

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa soalnya? (*Ketawa*).

## USUL-USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Musa Hitam):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.30 malam.

**Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.30 malam.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1974

DAN

USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1974

#### Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (14hb Januari, 1974).

*Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa.*

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*  
*Jawatankuasa*)

**Tuan Pengerusi:** Saya beri dalam masa 10 minit sahaja lagi.

*Perbahasan disambung semula.*

3.15 *ptg.*

#### JADUAL

*Kepala B. 28 dan P. 28—*

**Tuan Lim Kit Siang (Bandar Melaka):** (*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, as I was saying yesterday, on my initiative I met the Minister of Health in his office in Kuala Lumpur on 30th August, 1973 to tell him of the seriousness of the whole affair. He told me that he had no axe to grind and that the Committee of Investigation which he had established under the Secretary-General of his Ministry, together with some representatives from the universities, would be given complete freedom to probe into the matter.

At my request, he promised that the relatives and next-of-kin of the deceased would be given opportunities to appear before the investigation committee to relate the circumstances of their dear one's death.

There is a hospital at Kuala Kangsar, which is also not so near, being about 13 miles away. Sungei Siput town itself has a dispensary which is opened during the day and closed during the night and as the Honourable Minister knows, sickness does not affect people only during office hours. When patients are attacked by sickness during the night, they are helpless and they have to find ways and means of going to Ipoh and other hospitals. In any event, Sungei Siput is a growing town which fully qualifies for a hospital and this matter should not be delayed any longer. The Honourable Minister had previously provided an ambulance or mobile van to take the sick to Kuala Kangsar or to Ipoh hospital but an ambulance is not good enough, and it is no substitute for a hospital. In urgent cases, patients may die even before they are brought to hospital to see a doctor.

I hope the Honourable Minister will seriously pursue the matter and provide a hospital for this town, even a small one will do.

5.29 ptg.

**Tuan Haji Ahmad bin Sa'id (Seberang Utara):** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong peruntukan bagi Kementerian Kesihatan dan saya mengambil peluang ini memberi sokongan yang penuh dan kepercayaan yang penuh kepada Yang Berhormat Menteri dan saya percaya Yang Berhormat Menteri dapat menjalankan tugasnya dengan memuaskan.

Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap muka 238, P. 28, Pecahan-kepala 16 iaitu Hospital Daerah Bagan Serai, Seberang Prai. Peruntukan sebanyak \$500,000.

Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri, penduduk-penduduk di Seberang Prai tidak berkehendakkan Hospital Daerah di Bagan Serai sebab Hospital Daerah Butterworth jauhnya lebih kurang 3 batu daripada Bagan Serai, Hospital Daerah Bukit Mertajam jauhnya 4 batu daripada tempat yang akan dicadangkan iaitu Bagan Serai dan sebuah Hospital Daerah di Sungai Bakap.

Apa yang penduduk-penduduk Seberang Prai seramai 400 ribu lebih berkehendakkan ialah sebuah hospital besar yang lengkap dengan mempunyai pakar-pakar perubatan yang mana pada masa sekarang ini, Pulau Pinang bertambah penduduk-penduduk dengan mengadakan perusahaan di Bayan Lepas, Prai, Mak Mandin dan banyak lagi perusahaan-perusahaan yang lain, tetapi katil-katil bagi hospital-hospital tidak ditambah mengikut banyaknya atau lebihnya penduduk-penduduk di sana.

Saya masih ingat lagi iaitu bangunan yang besar yang dibuat sebagai hospital di Pulau Pinang itu ialah yang besar sekali pada tahun 1934, semenjak masa itu tidak ada tambahan hospital dengan menambah katil-katil di Pulau Pinang dan di Seberang Prai, cuma ada tambah sedikit sahaja di Bukit Mertajam. Jadi lebih kurang 40 tahun tidak ada satu tindakan yang tegas diambil untuk hendak menambahkan katil-katil bagi kemudahan orang-orang sakit di sana. Maka dengan sebab itu penduduk-penduduk di Seberang Prai telah merayu kepada Yang Berhormat Menteri supaya diadakan rumah sakit besar yang lengkap. Dengan adanya rumah sakit besar yang dipusatkan di Bagan Serai ini akan dapatlah Rumah-rumah sakit Daerah di Bukit Mertajam dan di Butterworth itu dapat ditutup dan dijadikan sebagai polyclinic dan rumah sakit besar ini akan jadi satu pusat untuk melayankan penduduk-penduduk di seluruh Seberang Prai dan jikalau boleh diberi kemudahan kepada orang-orang di selatan Negeri Kedah, Sungai Patani dan Parit Buntar menggunakan hospital besar ini bagi kemudahan mereka dengan menyediakan kelengkapan-kelengkapan yang cukup.

Tuan Pengerusi, saya telah mendengar ucapan daripada Pembangkang dan saya berasa sangat kesal di atas sikap Pembangkang pada masa sekarang ini. Pada pendapat saya mereka ini kehilangan modal politik dan sekarang ini menggunakan satu tektik, tektik membunuh watak ataupun character assassination Menteri-menteri kita. Saya berharap kalau dengan cara membunuh watak ini tidak akan memberi satu modal yang boleh difikirkan oleh penyokong-penyokong kerana penyokong dari rakyat pun sedar siapa yang berjuang untuk kepentingan rakyat. Bukan masa persidangan Dewan Rakyat sahaja bagi Ahli-ahli Dewan

Rakyat pihak Pembangkang hendak menyuarakan tidak puashati itu, pihak Kerajaan telahpun menyediakan cukup alat. jikalau seorang Pembangkang yang bertanggungjawab membangkitkan perkara yang tidak puashati atau apa-apa perkara yang didapati samada di rumah sakit atau di pejabat patutlah dengan serta-merta mengadu kepada pihak yang berkenaan. Jikalau pihak yang berkenaan atau pegawai yang tertinggi tidak mahu ambil tindakan, kita ada Biro Pengaduan yang mana bebas untuk mengambil tindakan kepada siapa juga pegawai-pegawai Kerajaan yang tidak menjalankan tugas dengan sepenuhnya melayani orang-orang yang berkehendakkan pertolongan.

Saya berharap pihak-pihak Pembangkang, jikalau tidak ada modal politik, tidak usahlah gunakan politik secara kotor ini, carilah modal politik yang boleh membina pada masa hadapan.

5.37 ptg.

**Tuan Chan Yoon Onn (Ulu Kinta):** (*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, I wish to touch on Gaji dan Upahan—Salary and Wages under Code 1100 of this Health Ministry and Code 2700 Supplies and Materials on page 232.

In my opinion, many of the hospitals have not made much improvements either in equipment or building except for those in larger towns. Many of us know there is an annual increase of population. No doubt there is progress, but the hospitals are rather slow in giving treatment as compared with the modern systems employed in other similar hospitals in advanced countries. Perhaps it is due to the brain drain caused by the resignation of Government doctors to set up their own practices or it may be that the medical staff are not co-operating well among themselves, or there may be shortage of medicines and equipment as a whole. Many patients will have to buy important medicines outside the hospitals from private pharmaceutical firms.

One very important service that all district hospitals should render is the setting-up of modern cardio equipment and qualified doctors for cardio or heart disease patients.

Mr Chairman, Sir, Honourable Members are aware that heart diseases or heart

attack sufferers in Malaysia are plentiful. Known cases of heart failure patients who could have been saved at an earlier stage have died without proper equipment and adequate attention. I believe that a patient can only survive three heart attacks depending on the seriousness. This is one service that the taxpayers require and will appreciate.

If the Ministry and its top officials have the foresight, many deaths could have been postponed or lives saved. The District Hospital at the moment is not supplied with modern heart disease equipment; at least a heart centre to be headed by an expert medical man or a qualified doctor for heart disease cases should be provided for each state hospital.

Mr Chairman, Sir, the building of a new hospital in Ipoh under sub-head No. 4A has stopped after piling investigation was held. It has been delayed for many years. The reason is only known to the Ministry itself. I hope construction work will commence immediately. Also for the present, I hope the Honourable Minister concerned will be good enough to provide such a heart centre with adequate equipment and management to the General Hospital in Ipoh so that heart disease sufferers will have confidence that they will be looked after by the Government. This is a service that the taxpayers will also be very glad and happy to have.

Another matter concerns the Tanjong Rambutan Mental Hospital. This is a famous centre for mental cases. I wonder if there is any research made on patients who are offspring out of marriages between very close relatives; for instance, offspring of the marriage of the children, grand children or great grand children of the same forefathers who were supposed to be in normal health. I presume there are many mental cases of this nature which can be prevented if the authority has investigated on and has made research on these patients. If it is correct, the Government should discourage by legislation and ban marriages between children of different mothers from the same family tree headed originally by the same forefather. I hope the Ministry will look into this type of mental cases to avoid abnormality of the people in the future. That is all I have to say, Sir.

5.40 *ptg.*

**Tuan Lim Cho Hock (Batu Gajah):** (*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, I wish to touch very briefly on this Ministry. If we just walk into the Ipoh Hospital, we will find that every day there is a long queue of outpatients hoping to see the doctor for some treatment. This state of affairs clearly shows that there is an acute shortage of doctors in the Ipoh Hospital. Mr Chairman, the condition of the hospital is also in very bad shape. There is no privacy at all in the Ipoh Hospital. The Hospital itself consists of one-storey building blocks and if you walk into any of the wards, you can find that there is no partition, be it made of cloth or planks or any other thing. There may be a lot of "Peeping Toms" around in the hospital, particularly in those wards accommodating women. So, I hope the Ministry can look into this matter and provide partitions for these wards.

Lately, we have got a new block besides this hospital. I think this is a new three-storey new building block for the expansion of this hospital. But unfortunately this new block only caters for the rich and the V.I.Ps. There are about, if I am not mistaken, 20-odd rooms in this building block, but these are hardly enough to cater for the general need. The charge for a room is about \$20 or \$30 per day; and only the rich can afford to stay in this particular block. Mr Chairman, Sir, because of the shortage of space and beds in the Ipoh Hospital, a lot of patients who are supposed to be admitted have been turned away by the doctors simply on the ground that there are not enough beds around for them. Some time ago, Mr Chairman, Sir, I have seen with my own eyes a bed meant for one person being occupied by two persons. Now, a patient is supposed to rest comfortably in the hospital while at the same time taking treatment. But if two were to sleep on a single bed, then even if one is not sick, one may get sick. So, I hope the expansion of the hospital can be carried out at a very fast rate.

There is a proposed new hospital besides this old hospital, and this hospital had been promised for the people of Perak and for the people of Ipoh particularly way back in 1969 by the former Minister of Health, Dr Ng Kam Poh. At public rallies, he promised the

people that he would build the hospital in 1969. But now it is already 1974 and only the piling has been done. Then a mile away from this particular site, there is a private hospital, known as Fatimah Hospital built up with the aid of some foreign funds and also with the funds given by the people themselves. This building is nearing completion and it is due to be occupied in a few months' time. Now, what is wrong with the new Government hospital beside the old hospital? Has the Government gone bankrupt or has the Government been bogged down by red-tapes? That is what we want to know. The people of Perak have been waiting for too long for this hospital to come up. So, I hope the new Minister will take up this matter and will not make empty promises like his predecessor.

Finally, Mr Chairman, Sir, the hospitals have not been co-operating very well with the Labour Department. In cases of workmen's compensation, for instance, certain forms have got to be filled by doctors in hospitals. The forms are provided by the Labour Office. But the doctors in the hospitals invariably give their medical certificates not conforming with the forms provided for this purpose. When the Labour Office receives such medical reports, they invariably reject them saying that they are not complete reports. What they want to know is certain particulars numbering (1), (2), (3), (4) and so on. If the doctors do not give medical reports in the proper forms, then the Labour Office would not be able to assist in the award of compensation. So, I hope that there will be a closer co-ordination between the hospitals and the Labour Offices throughout the country.

5.35 *ptg.*

**Tuan Ng Hoe Hun (Larut Selatan):** Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap sedikit pada Kepala B. 28 dan Kepala P. 28, Kementerian Kesihatan, Pecahan-kepala (Kod) 1100 Gaji dan Upahan bagi tahun 1974 berjumlah \$185,861,100 bagi:

- (1) Pentadbiran Am
- (2) Perkhidmatan Kesihatan Awam
- (3) Perkhidmatan Rawatan Pesakit, dan
- (4) Perkhidmatan Tambahan.

Tuan Pengerusi, saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, I wish to touch now on the policy of the Kementerian Kesihatan with regard to the Blood Bank that exists throughout the length and breadth of West Malaysia, from east to west and from north to south.

First of all, I would like to congratulate the Kementerian Kesihatan on giving blood to the people *percuma* or free. Questions about blood have been raised in this House on many occasions and not very long ago the Minister of Health did state in this House that he is a donor of blood. I am also a donor of blood. But this is not enough. The public must be encouraged to donate more blood freely without any risk and more incentives must be given to the public to induce them to donate blood. But the Ministry of Health has not gone to all the extent to encourage, through the media of the press, the radio or the television, people to donate blood. Now, although the blood is being given to the public freely, I have come to understand that blood actually is only given free in words of mouth but in action itself it is not given free. Why do I say so? It is because whenever a patient has been given a pint or two pints of blood and after his recovery, he is asked to replace the blood. If that is so, then blood is not given free, because the patient has been asked to donate back blood to the Blood Bank. What sort of policy has the Kementerian Kesihatan with regard to this by asking a patient to donate blood after he has recovered? This policy should not be carried on, and I hope the Minister of Health would advise the hospitals throughout the country especially the Blood Bank to refrain from asking blood from patients once they have recovered.

Another matter which has come to my attention during the debate in this House, was brought before Parliament by the Member of Parliament for Bagan. He stated that in the hospitals in Bagan and in Bukit Mertajam and all that, patients are being detained purposely in hospitals when they have recovered already, i.e. they are prevented from leaving the hospitals, because the hospitals want to suck blood back from them—that means asking them to replenish blood. This is wrong. Since the

Member for Bagan had brought this matter up before the House, it should be true and I would like to say that in the hospitals in Taiping the same thing happens. This is wrong, and I appeal to the Minister to rectify the fault that we have before us in this House and before the country.

Now another matter with regard to the policy of the Government to Blood Bank is that blood is sold openly in all hospitals where there is a blood transfusion unit. The Minister might deny in this House here that blood is sold openly but I can vouch for this because I have seen it and many M.P.s in this House here will testify to the fact that their relatives and they themselves have been solicited openly in hospitals to sell their blood at a price of \$80, \$100 or \$150 depending on the blood group that you have. Probably if you have a group "O" blood which is acceptable by all, probably your blood is more valuable than somebody with "A+", "B+" or whatever it is. Could the Minister look into this affair and if possible, solve the problem that we have before the Blood Bank—the selling of blood. The selling of blood is a major practice now in India and in the United States where blood is sold openly. We have a law before us that blood should not be sold openly in hospitals. I believe this is so. If the Minister could clarify this matter I shall be most grateful.

Coming back to the equipment that is used by doctors and nurses in extracting blood, like vampires from patients that come before the hospitals, could I have a guarantee in this House that the equipment that are used to extract blood are properly sterilised. I believe these equipment are not properly sterilised and I bring this matter before the House because the extraction of blood is a simple matter where the tube is tucked into the vein or artery—I do not know and I am not sure—but it is one of the blood vessels in the arms and blood then is allowed to ooze out into a bottle which is below the bed. The equipment that is used for the process of taking blood from the patient, if it is not kept hygienically clean, it could contaminate the patient before and after a transfusion. As has been brought up before the House by the Member of Parliament for Bandar Melaka, the autoclave or the sterilisation unit of the Malacca General hospital was found faulty and contaminated

with a lot of undesirable germs; if it could happen in an autoclave unit, it could easily happen in a blood transfusion unit. So taking up the challenge from the Minister of Health when he visited some of the wards in Seremban Hospital, there was hell in the General Hospital in Seremban, everything was shoddy and in disorder and if it could happen there on one of the Minister's visits, it could happen throughout the whole length of the country with regard to the blood transfusion unit. So I appeal to you, Sir, to look into this matter closely so that the blood that is given by the people should not be contaminated and the patients should not be contaminated. So I appeal to the public now from this House to restrain from giving blood until the Minister can guarantee that the equipment used in the transfusion service throughout the length and breadth of this country are properly sterilised.

Coming back to the basic purpose of the Kementerian Kesihatan, what is the purpose, I ask you, of a hospital? Why do we have a hospital?

**Tuan Pengerusi:** Are you addressing me or are you addressing the Minister?

**Tuan Ng Hoe Hun:** I am very sorry I forgot myself.

**Tuan Pengerusi:** Time is up anyway.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Let me finish, I would like to finish off, Sir, if you don't mind. Just one minute. Coming back to the purpose of a hospital, the hospital is established by the Government for the benefit of the people. Should I be sick I go to hospital to get free treatment. Why, Sir? Because I pay tax on it. So the money that is collected from the taxes that I pay go towards the establishment of hospitals. But what do the poor people get? They pay taxes but when they go to the hospital they are denied the right to benefit from what they pay in taxes. The poor people when they go to the Outpatients Department they have to pay fifty cents. I say this principle is wrong—third class wards, second class wards, first class wards. The people have to pay which is all wrong; it is B.S.—bull-shit.

**Tuan Pengerusi:** Sit down! Will you sit down?

**Tuan Ng Hoe Hun:** I am appealing to the Minister.

**Tuan Pengerusi:** You withdraw that word!

**Tuan Ng Hoe Hun:** I withdraw the word, Sir. The former Minister of Commerce had used it in this House; so I am following him. If you ask me to withdraw it, I withdraw gracefully (*Ketawa*). Encik Khir Johari had used it. He had said bull-shit. What can I do, Sir? I withdraw.

Finally, I appeal to the Minister to look into this matter to give the people the benefit of taxes. . . . .

**Tuan Pengerusi:** Will you sit down?

**Tuan Ng Hoe Hun:** Thank you very much for giving me the opportunity.

5.58 ptg.

**Tuan Pengerusi:** Ini Ahli yang penghabisan sekali bercakap!

**Tuan Abu Bakar bin Umar (Kubang Pasu Barat):** Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap sedikit sahaja bersangkutan-paut dengan Pecahan-kepala (Kod) 1100, Pecahan-kepala (2) Perkhidmatan Kesihatan Awam peruntukannya \$48,224,000.

Dalam buku merah ini salah satu daripada aktiviti-aktivitinya ialah kesihatan luar bandar. Apa yang saya ingin menarik perhatian Menteri yang berkenaan supaya dapat dipehatikan dan supaya dapat diubah sedikit sebanyak polisi bersangkutan-paut dengan membina Pusat-pusat Kesihatan, kalau mengikut di dalam buku merah ini, Yunit Kesihatan Luar bandar ini pada asalnya dijangka mengandungi satu pusat besar, empat pusat kesihatan kecil dan 20 klinik bidan untuk memberi perkhidmatan kepada 50,000 penduduk-penduduk luar bandar. Kalau ini dijalankan, maka saya yakin bahawa tujuan matlamat kita memberikan perkhidmatan kesihatan ini kepada penduduk-penduduk luar bandar tidak sampai ataupun tidak sempurna kepada matlamatnya oleh kerana 50,000 orang di kawasan luar bandar penduduknya amatlah luas kawasannya. Apabila luas kawasannya kebanyakan dan kebiasaannya penduduk-penduduk luar bandar ini adalah miskin. Jadi apabila miskin dia terpaksa membelanjakan banyak wang untuk mendapat perkhidmatan kesihatan daripada Pusat-pusat Besar dan Pusat-pusat Kecil.

Maka apa yang saya ingin menarik perhatian Menteri yang berkenaan supaya memperkecilkan bilangan kalau boleh 30,000 sahaja. Kalau 30,000 kita dirikan satu Pusat Besar dan Pusat-pusat Kecil daripada klinik bidan maka berhasillah matlamat dan tujuan kita membelanjakan wang untuk kepentingan kesihatan penduduk-penduduk luar bandar, itu satu.

Yang kedua, bersangkutan-paut dengan Hospital Besar Alor Setar. Saya ingat kalau tidak lupa, sudah dua tahun saya telah membuat satu soalan mulut di dalam Dewan ini supaya didirikan sebuah madrasah untuk orang-orang sakit bersembahyang ataupun untuk pergi ziarah-menziarah orang-orang sakit di hospital, tetapi sampai sekarang ini belum ada apa-apa bayang lagi, maka saya harap dicepatkan pembinaan madrasah, tempat sembahyang bagi orang-orang sakit di General Hospital Alor Setar.

Yang ketiganya, saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat wakil Bebas berkenaan dengan soal pesakit-pesakit luar dikehendaki membayar sebanyak 50 sen. Saya tidak tahu untuk apakah bayaran itu. Di Hospital Alor Star pun pesakit-pesakit luar dikehendaki mengambil kad dan membayar 50 sen. Saya harap mendapat penjelasan daripada Menteri yang berkenaan dan kalau boleh bayaran 50 sen itu dihapuskan daripada diambil dari tiap-tiap pesakit luar yang mengambil ubat. Oleh kerana sekarang ini orang-orang kampung semakin hari semakin susah disebabkan oleh inflasi dan keadaan-keadaan dunia sekarang ini. Muga-muga dengan dihapuskan bayaran 50 sen ini merengankan beban hidup orang-orang kampung.

6.01 ptg.

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Pengerusi, Kementerian saya adalah satu daripada Kementerian-kementerian yang menjalankan usaha-usaha Kerajaan di dalam bidang sosial dan memberi perkhidmatan ini kepada seluruh rakyat di negara kita ini, supaya mereka itu berada di dalam kesihatan yang baik untuk digunakan di dalam pembangunan ekonomi dan kemajuan masyarakat negara kita pada masa ini. Pada masa ini Kementerian saya telah mengadakan berbagai-bagai kemudahan untuk mencapai tujuan yang tersebut serta memainkan peranan yang

penting di dalam usaha-usaha berdasarkan kepada Dasar Ekonomi Baharu Kerajaan kita.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan baharu-baharu ini bahawa Kementerian saya adalah satu sektor di dalam Rancangan Malaysia Kedua yang merupakan sektor yang penting di dalam rancangan sosial, ekonomi Kerajaan melaksanakan kepada Dasar Ekonomi Baru itu. Oleh yang demikian, segala aktiviti-aktiviti yang dijalankan itu tidak lain dan tidak bukan ialah untuk meluaskan perkhidmatan kesihatan di kawasan-kawasan dalam dan luar bandar, dan sehingga masa ini kemajuan-kemajuan dalam perkhidmatan-perkhidmatan ini adalah memuaskan.

Saya percaya bahawa kemajuan-kemajuan dan langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kementerian saya berdasarkan kepada tujuan-tujuan yang tertentu sebagaimana yang telah dikerjakan daripada muka 460 hingga 498 di dalam Kertas Perintah Bil. 32 Tahun 1973 akan dapat memuaskan semua Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini. Sungguhpun begitu saya sukalah sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih di atas sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat kepada Anggaran Belanjawan bagi Kementerian saya yang berjumlah sebanyak \$352,540,272 bagi tahun 1974. Saya suka juga mengucapkan terima kasih di atas teguran-teguran yang membina yang telah diberi untuk saya menimbangkan dan menjalankan bagi memperbaiki lagi perkhidmatan ini kepada seluruh rakyat. Banyak teguran-teguran yang telah dibuat yang mana tidaklah dapat saya menerangkan satu-persatu untuk memberi jawapan kepada teguran-teguran itu di dalam Dewan yang mulia ini, akan tetapi saya akan cuba menerangkan di sini perkara-perkara yang saya anggap penting untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat serta juga rakyat di negara kita. Sungguhpun perkara-perkara ini tidak dapat diberi secara detail, akan tetapi saya suka menyatakan bahawa perkara-perkara yang telah dibangkitkan di Dewan ini telah diambil ingatan oleh pegawai-pegawai daripada Kementerian saya dan saya akan mengambil perhatian yang berat untuk mengambil langkah-langkah dan tindakan-tindakan yang sewajarnya.

Telah beberapa kali di Dewan Yang Mulia ini kita mendengar dan beberapa kali disebutkan juga di Dewan ini mengenai perkara-perkara yang tidak puashati berhubung dengan Kementerian saya. Perkara-perkara yang dibangkitkan itu ada juga yang betul, akan tetapi apa yang mendukacitakan saya ialah tidak ada disebutkan tentang perkhidmatan-perkhidmatan yang baik yang telah dijalankan oleh doktor-doktor dan kakitangan-kakitangan yang berkhidmat dengan Kementerian ini. Dengan tidak disebutkan perkhidmatan-perkhidmatan yang baik itu, maka seolah-olah kita tidak mengakui akan perkhidmatan-perkhidmatan mereka yang cemerlang itu. Jika sekiranya diperiksa daripada rekod-rekod perkhidmatan yang telah dijalankan oleh Kementerian saya maka kita akan dapat banyak perkhidmatan-perkhidmatan yang baik yang telah dijalankan oleh doktor-doktor daripada perkara-perkara yang tidak puashati yang dibangkitkan di Dewan ini. Saya telah berulang kali menyatakan bahawa I mean business dan saya suka perkara ini diberi sebaran dengan sepenuh-penuhnya supaya doktor-doktor dan kakitangan termasuk pentadbiran di hospital itu yang tidak menjalankan tugas mereka dengan betul akan diambil langkah-langkah disiplin seperti mana yang ditetapkan. Saya akan menjalankan tugas saya supaya langkah-langkah yang tertentu akan diambil kepada sebarang doktor-doktor atau kakitangan-kakitangan di bawah Kementerian saya yang mencuaikan tugas dan tanggungjawab mereka. Saya suka menyatakan dalam Dewan yang mulia ini bahawa tidak ada tempat di dalam Kementerian saya bagi mereka yang tidak dapat mengutamakan rawatan kepada pesakit-pesakit dengan tidak mengira samada mereka itu kaya atau miskin. Jika sekiranya mereka itu mengutamakan diri sendiri mereka itu bolehlah berkhidmat di tempat yang lain.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan teguran yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu berkenaan dengan jawatan kakitangan Tingkatan Tertinggi bagi Pegawai-pegawai Perubatan, saya suka menyatakan bahawa Kementerian saya telahpun mengadakan urusan mengujudkan jawatan Tingkatan Tertinggi dalam bulan Julai tahun lalu dan hasilnya ialah tambahan sebanyak 41 jawatan Tingkatan Tertinggi dan 47 jawatan Tingkatan Tertinggi dinaikkan taraf.

Kementerian saya sentiasa mengkaji kedudukan jawatan Tingkatan Tertinggi bagi Pegawai-pegawai Perubatan dari semasa ke semasa dan jika difikirkan menasabah akan diambil tindakan untuk mengadakan tambahan kepada jawatan-jawatan Tingkatan Tertinggi itu.

Berkenaan dengan perkara-perkara air-conditioning dan juga alat-alat yang lain di Hospital Besar Kuala Lumpur, suka saya menyatakan bahawa apabila Kementerian saya mendapat tahu atas kerosakan-kerosakan yang telah berlaku satu lapuran penuh telah dihantarkan kepada Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya dan mereka mengambil tindakan-tindakan yang sesuai di atas perkara itu. Saya berharap Ahli Yang Berhormat akan bersabar atas kerosakan-kerosakan seperti yang dinyatakan oleh kerana mana-mana bangunan yang baharu tentulah ada kerosakan.

Berkenaan dengan lapuran kematian di Hospital Melaka supaya dibahaskan perkara ini, saya akan memberi pertimbangan. Pegawai-pegawai di bawah Kementerian ini faham dengan sesungguhnya tentang berpolitik dan saya hanya memperingatkan mereka supaya jangan bermain politik dengan menggunakan tugas-tugas mereka semasa menjalankan tugas ini. Walau bagaimanapun tindakan mustahak mengadakan sebarang enquiry berkenaan dengan hal ini.

Tentang doktor-doktor yang ada hubungannya dengan firma-firma saya akan menjalankan siasatan dan akan memberi amaran kepada mereka supaya berhenti daripada mengambil bahagian itu.

Berkenaan dengan perkara-perkara yang dibangkitkan berhubung dengan penempatan Sungai Buluh, saya sendiri faham di atas perkara ini dan berkenaan dengan pesakit-pesakit yang semboh ada sebuah Jawatankuasa yang bertanggungjawab yang telah ditubuhkan oleh saya untuk mengkaji pesakit-pesakit itu sebelum mereka dikeluarkan, cuma mereka yang dapat dikeluarkan sahaja akan dikeluarkan, mereka yang cacat dan tidak dapat diterima oleh masyarakat tidak akan dikeluarkan.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor, saya suka menyatakan iaitu tidak ada aduan-aduan yang dibuat di atas

perkara ini kepada saya. Namun demikian saya akan membuat satu siasatan di atas perkara ini dan jika sekiranya benar, saya akan mengambil langkah yang sewajarnya.

Seperkara lagi saya suka menyatakan di sini iaitu rawatan yang diberikan di hospital-hospital itu adalah kepada seluruh rakyat dan tidak dikira apa juga taraf kedudukan mereka.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat berkenaan dengan kedudukan Hospital Besar Kuala Lumpur, saya sukalah menyatakan di sini bahawa Hospital Besar itu adalah satu tempat yang selamat bukan sahaja untuk memberi rawatan-rawatan bahkan juga menjaga keselamatan dan harta-benda pesakit-pesakit itu sendiri dan jika sekiranya ada terjadi sesuatu kejadian yang tidak diingini, ini tidaklah dapat dikatakan bahawa perkhidmatan hospital itu begitu buruk seperti yang dituduh oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Di mana-mana tempat jika orangramai dapat melawat dan bercampur-gaul dengan pesakit-pesakit, maka tentulah terjadi perkara luar yang tidak diingini di dalam kawasan tersebut. Walau bagaimanapun perkara ini patutlah dilaporkan kepada polis untuk diambil langkah yang tertentu.

Berkenaan dengan darah di Hospital Besar Pulau Pinang, saya sukalah menyatakan bahawa jika sekiranya Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat itu sedar bahawa darah telah di salahgunakan dan dijual, sepatutnyalah sebagai seorang Ahli Dewan Rakyat ini memberi laporan perkara itu dengan segera kepada pihak polis untuk mengambil langkah yang sewajarnya, akan tetapi Ahli Yang Berhormat menunggu untuk melapurkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah telah menyentuh berkenaan dengan hospital baru di Hospital Ipoh dan telah membandingkan kemajuannya yang telah dicapai oleh Hospital Fatimah dengan hospital baharu Ipoh. Saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa dalam bagi Hospital Fatimah telah disediakan dalam tahun 1968. Hospital Baru Ipoh telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua, iaitu pada tahun 1971 sahaja dan lain daripada itu, saya suka menerangkan

bahawa kedua-dua hospital tidak boleh dibandingkan oleh kerana Hospital Besar Baru Ipoh adalah satu hospital yang sangat besar kompleksnya dan ada kemudahan-kemudahan yang terlampau banyak. Oleh itu, persediaan pelan telah mengambil masa yang lama sedikit. Saya suka melapurkan bahawa Kementerian ini telah diberitahu bahawa tender untuk blok hospital ini akan ditawarkan tidak lama lagi.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Port Dickson, saya dapati bahawa Ahli Yang Berhormat itu yang sebenarnya tidak faham akan perkhidmatan kesihatan luar bandar. Jika sekiranya Ahli Yang Berhormat itu membaca dengan bersungguh-sungguh kemajuan-kemajuan dan langkah-langkah yang akan diambil seperti yang tersebut di dalam Rengkasannya Belanjawan yang dibentangkan di Dewan ini, saya percaya tentulah Ahli Yang Berhormat itu tidak akan mengeluarkan banyak pendapat-pendapat seperti yang telah dikeluarkan di dalam Dewan ini.

Berkenaan dengan pertanyaan-pertanyaan mengenai taraf pengajaran di Pusat Perubatan India yang dikatakan sama tarafnya dengan pengajaran di negeri-negeri barat, saya sukalah menyatakan bahawa perkara ini telah saya beri jawapan pada 4hb Disember di Dewan ini pada tahun yang lalu.

Ahli Yang Berhormat juga telah bertanya tentang peruntukan Family Planning. Saya suka menerangkan bahawa ini adalah ditunjukkan di bawah Kepala B. 7—Perdana Menteri, Pecahan-kepala 17 yang mana wang sebanyak \$1 juta telah diuntukkan bagi tahun 1974 ini.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bau-Lundu yang membangkitkan perkara-perkara yang ada hubungan dengan Negeri Sarawak, saya suka menyatakan di sini Kementerian saya berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk memberi perkhidmatan-perkhidmatan yang baik bukan sahaja di Negeri Sarawak dan Sabah, akan tetapi di seluruh Malaysia, kerana sebagaimana yang telah saya sebutkan bahawa ini adalah menjadi tujuan yang utama di dalam Kementerian saya.

Berkenaan dengan perkara-perkara yang lain yang telah dibangkitkan pegawai-pegawai saya telah mengambil ingatan dan akan menjalankan usaha-usaha untuk memperbaiki lagi perkhidmatan-perkhidmatan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Ipoh meminta supaya sebuah hospital didirikan di Sungei Siput. Ahli Yang Berhormat sendiri telah menerangkan bahawa bandar Sungei Siput adalah jauhnya hanya 13 batu dari Kuala Kangsar yang mana ada sebuah Hospital Daerah dan juga 18 batu daripada Ipoh, yang mana ada sebuah Hospital Besar. Seperti Ahli Yang Berhormat dari Ipoh maklum banyak daerah di Kelantan, Trengganu dan Pahang dan juga Negeri-negeri lain masih tidak ada hospital dan ramai penduduk-penduduk terpaksa pergi hampir 59 batu untuk sampai ke hospital. Kalau ada cadangan-cadangan di masa hadapan untuk pembinaan hospital-hospital baharu, kawasan dan daerah-daerah di Negeri-negeri tersebut patut diberi ketutamaan.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah yang menyatakan tentang kesesakan di Jabatan Pesakit Luar di Hospital Besar, Ipoh, pada pendapat saya ini menunjukkan tentang sambutan rakyat dan juga confident orangramai terhadap hospital-hospital. Sungguhpun ramai Ahli-ahli Pembangkang di dalam Dewan ini yang menyebut-yebutkan tentang perkhidmatan-perkhidmatan yang tidak baik sahaja, walau bagaimanapun Kementerian saya selalu berusaha supaya mereka yang datang ke hospital-hospital untuk mendapatkan rawatan mendapat layanan yang baik.

Berkenaan dengan perkara 1st Class Ward yang dikhaskan untuk V.I.P. itu ialah sebenar kerana wad-wad tersebut adalah mustahak untuk V.I.P.-V.I.P. seperti Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini, yang akan dimasukkan di wad-wad yang tersebut jika sekiranya sakit.

Tentang kekurangan katil-katil pada masa ini tidaklah dapat dielakkan, kerana perkara ini telah diketahui dan usaha-usaha untuk mengelakkannya ialah dengan cara membina sebuah hospital baharu yang mana saya percaya Ahli Yang Berhormat itu tentu sedar sedang dibina.

Berkenaan dengan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Larut Selatan berkenaan dengan penjualan darah, saya sungguh dukacita kerana perkara ini telah tidak diberitahu kepada saya ataupun kepada Polis kerana perkara ini adalah menyalahi undang-undang. Saya tidaklah sangat hendak menyatakan dengan sebenarnya samada darah-darah itu dijual openly di hospital-hospital dengan kerana tidak ada bukti-bukti yang tertentu yang dapat diambil sebarang langkah kepada mereka yang menjalankan kerja-kerja yang menyalahi undang-undang itu. Oleh itu saya berseru kepada orangramai supaya melapurkan perkara ini kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab, terutama sekali pihak Polis supaya langkah-langkah yang sewajarnya dapat diambil. Ahli Yang Berhormat sebagai seorang wakil rakyat patutlah juga memainkan peranan bagi menghapuskan perkara yang tidak diinginkan ini.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan teguran Ahli Yang Berhormat dari Kubang Pasu Barat, saya suka menjelaskan di sini iaitu sungguhpun keadaan sekim sekarang ini ialah seorang doktor bagi 50,000 penduduk, cadangan Kementerian saya dalam sekim baharu ialah hendak mengadakan sebuah Pusat Kesihatan Besar dan doktor bagi 20,000 orang penduduk. Tentang bayaran yang dikenakan kepada pesakit-pesakit luar sebanyak 50 sen itu dihapuskan, jika mereka tidak mampu . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Saya sukacita jika Yang Berhormat Menteri dapat memendekkan sedikit jawapannya kerana kita kesuntukan masa.

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Ya, terima kasih. Tuan Pengerusi, mengenai hal-hal yang lain, yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Negeri Sarawak, kemajuan-kemajuan berkaitan dengan pembangunan-pembangunan hospital baharu dan Pusat Kesihatan Besar dan Kecil yang baharu akan mengikut jadual yang ditetapkan di bawah Kementerian saya di dalam Rancangan Malaysia Kedua. Dengan itu saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap dalam Dewan ini.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$290,540,272 untuk Kepala B. 28 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$62,000,000 untuk Kepala P. 28 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1974.

6.28 ptg.

*Kepala B. 29 hingga B. 34, P. 29 hingga P. 31 dan P. 34—*

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris):** Tuan Pengerusi, saya mengusulkan supaya Anggaran Belanja Mengurus Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi tahun 1974 di bawah Kepala B. 29, B. 30, B. 31, B. 32, B. 33 dan B.34 diluluskan dan menjadi sebahagian daripada Jadual.

Anggaran-anggaran di bawah Kepala-kepala yang disebutkan tadi adalah seperti berikut:

*Kepala B. 29—*

\$16,336,326 untuk Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

*Kepala B. 30—*

\$258,666,888 untuk Polis Diraja Malaysia.

*Kepala B. 31—*

\$8,251,830 untuk Jabatan Imigresen.

*Kepala B. 32—*

\$550,810 untuk Pendaftaran Pertubuhan.

*Kepala B. 33—*

\$8,153,949 untuk Jabatan Pendaftaran Negara.

*Kepala B. 34—*

\$21,249,040 untuk Jabatan Penjara.

Jumlah Anggaran Belanja Mengurus bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ialah sebanyak \$313,208,843 bagi tahun 1974 dibandingkan dengan \$286,646,682 pada tahun 1973 iaitu berlebihan sebanyak \$26,562,161 atau 9.3%.

Aktiviti-aktiviti yang berada di Kementerian ini pada tahun 1974 ialah:

- (i) Pentadbiran Am;
- (ii) Keselamatan Sempadan;
- (iii) Keselamatan Negeri-negeri;
- (iv) Tapisan Filem dan Penerbitan; dan
- (v) Ikatan Relawan Rakyat.

Peruntukan tahun 1974 bagi kelima-lima aktiviti tersebut ialah sebanyak \$16,336,326 dibandingkan dengan \$14,477,344 bagi tahun 1973, iaitu lebih sebanyak \$1,858,982 atau 12.8%.

Tambahan ini adalah diperlukan oleh kerana:

- (a) Tambahan kakitangan di Kementerian dan Bahagian-bahagiannya;
- (b) pelaksanaan berbagai-bagai projek di RASCOM; dan
- (c) tambahan kursus-kursus Ikatan Relawan Rakyat.

Selain daripada apa yang tersebut di atas tindakan sedang diambil untuk menyusun semula Lembaga Penapis Filem dan memperluaskan lagi peranan Ikatan Relawan Rakyat bertujuan meningkat 50,000 yunit di seluruh negara dibandingkan dengan 1,800 yunit pada masa ini.

Tuan Pengerusi, saya juga mengusulkan supaya Anggaran Belanja Pembangunan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi tahun 1974 di bawah Kepala P. 29, P. 30, P. 31 dan P. 34 diluluskan dan menjadi sebahagian daripada Jadual. Anggaran-anggaran di bawah Kepala-kepala yang tersebut tadi adalah seperti berikut:

*Kepala P. 29—*

\$10 (peruntukan tanda sahaja) untuk Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

*Kepala P. 30—*

\$69,845,138 untuk Polis Di Raja Malaysia.

*Kepala P. 31—*

\$886,695 untuk Jabatan Imigresen.

*Kepala P. 34—*

\$3,656,540 untuk Jabatan Penjara.

Saya fikir tidaklah payah saya menghurai-kan dengan panjang-lebar mengenai perincian-incian tiap-tiap satu jabatan di bawah Kementerian ini kerana Ahli-ahli Yang Berhormat telah sedia menatap buku-buku belanjawan yang terkandung huraian-nya dengan jelas. Oleh yang demikian, Tuan Pengerusi, saya mengusulkan Anggaran Belanja Mengurus dan Anggaran Belanja Pembangunan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan-jabatan di bawahnya bagi tahun 1974 diluluskan.

6.32 ptg.

**Tuan V. David (Dato Kramat):** (*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, this House should be gravely concerned over an unforeseen and unfortunate incident which has taken place during the last few days. There has been a hunger strike in the Detention Camp of Batu Gajah where the detainees have gone on a hunger strike as a protest against the authorities' decision not to enquire into or to listen to the detainees representatives on the suicide action of a detainee. A detainee has committed suicide and nothing has been said or no statement has been made by the Ministry concerned and, as a result of this, the detainees got together and their representatives wanted to meet responsible people to put across their views relating to this unfortunate incident but the authorities refused to meet them and not only did they refuse to meet them, but they have summoned the riot squad and the riot squad has terrorised the detention camp by bashing up quite a number of helpless detainees, causing hardship to them and the detainees now have gone on a hunger strike from 28th December, 1973. The hunger strike seems to be continuing until this moment without the Government finding a solution to this problem.

Mr Chairman, Sir, I would invite the Government to appoint an enquiry into this hunger strike and such an enquiry should be headed by an independent High Court Judge who will be able to hear evidences from the detainees impartially and, if necessary, produce a recommendation. The terms of reference to this enquiry should be to study the conditions in the detention camps relating to the detainees' welfare and also the reason as to why this man had committed suicide. There must be some specific reasons leading to this unfortunate situation.

Mr Chairman, Sir, the detainees' complaint has been there for many many years. As the detainees are cut off from the outside world, they are unable to explain the miseries and hardships imposed on them by the authorities.

Sir, the hunger strike is not the first time. There had been quite a number of occasions where the detainees had staged a hunger strike. As these had not been, on many

occasions, reported in the Press, at least in the English Press, these incidents have gone unnoticed.

Sir, the International Amnesty has been concerned over the detainees in this country. They are concerned whether fair, reasonable treatment is given to these detainees in accordance with the international obligations, rules of human rights and other requirements which a political detainee should enjoy. To my mind, Sir, the political detainee in this country suffers the worst. Under the Internal Security Act, the moment a person is arrested for political purposes, he is kept in a lock-up like other criminals for the first two months. During this two months' period, a detainee does not enjoy the facilities of a political detainee. He is only allowed to enjoy the facilities enjoyed by others detained for committing crimes under the Criminal Procedure Ordinance and Penal Code. After these two months the arrested person is transferred to a camp by an Order made by the Minister.

